

## ANNEXURE A

### KEMPEN HLB TAP ON PHONE 0% MyDebit MDR

#### Tempoh Peraduan

Hong Leong Bank Berhad [193401000023 (97141-X)] (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad [200501009144 (686191-W)] (“**HLISB**”) (selanjutnya dipanggil secara kolektif sebagai “**Bank**”) “**Kempen HLB Tap on Phone 0% MyDebit MDR** “ (“**Kempen**”) bermula dari 1 Julai 2021 pada jam dan berakhir pada 31 Julai 2021 pada jam, (“**Tempoh Kempen**”), kecuali dinyatakan atau dimaklumkan sebaliknya.

#### Terma dan Syarat

Terma dan syarat yang digariskan berikut terpakai untuk Kempen (“**T&C**”):

#### Kelayakkan

1. Kempen ini terbuka kepada peniaga yang mengekalkan akaun semasa / akaun semasa-i Hong Leong dan telah berjaya mendaftar untuk **Hong Leong Bank Terminal “Semua-Dalam-Satu A920” (“Terminal”)** dan “**Tap on Phone**” (“**TOP**”) semasa tempoh kempen dan memenuhi mekanik kempen dan T&C kempen (“**Peniaga yang Layak**”)

#### Mekanik Kempen

1. Peniaga yang Layak berhak mendapat 0% Kadar Transaksi MyDebit (MDR) pada transaksi kad MyDebit tempatan yang dilakukan dengan Tap on Phone sehingga 31 Disember 2021 jika syarat kriteria & syarat Kempet berikut telah dipenuhi oleh Peniaga yang Layak:
  - a. Peniaga yang Layak mengekalkan Akaun Semasa / Akaun Semasa-i Hong Leong sebagai akaun penyelesaian; dan
  - b. Peniaga yang Layak berjaya untuk mendaftar, memasang Terminal dan mengaktifkan TOP (login kali pertama) semasa Tempoh Kempen.
2. Promosi MyDebit MDR 0% hanya sah pada transaksi yang dilakukan dengan Tap on Phone.

#### Syarat Pemenuhan

1. Kewajiban Bank untuk membuat pembayaran penyelesaian penuh dengan 0% MDR MyDebit akan tertakluk kepada ketentuan berikut:
  - a. selepas pelaksanaan penyelesaian oleh Peniaga yang Layak melalui Fungsi Penyelesaian;
  - b. tertakluk kepada apa-apa syarat lain yang termaktub dalam Terma dan Syarat Perkhidmatan Pedagang Bank, atau apa-apa syarat lain seperti yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Peniaga yang Layak; dan
  - c. dengan syarat Bank tidak menerima notis yang menghendaki Bank menahan pembayaran kepada Peniaga yang Layak atau Bank belum menggunakan budi bicaranya untuk menahan pembayaran kepada Peniaga yang Layak menurut Terma dan Syarat Pedagang yang disediakan dalam talian [www.hlb.com.my/merchant-tnc](http://www.hlb.com.my/merchant-tnc)
2. Pada dasarnya adalah kewajiban Peniaga yang Layak untuk memberitahu Bank sekiranya tidak menerima 0% MDR MyDebit dalam masa empat belas (14) hari dari setiap penyelesaian, jika gagal dianggap sebagai Peniaga yang Layak menerima 0% MDR MyDebit dan sebarang rayuan atau permintaan untuk penggantian MDR yang dikenakan tidak akan dilayan oleh Bank.
3. Untuk mengelakkan keraguan, Fungsi Penyelesaian didefinisikan sebagai prosedur yang diperlukan dan dilakukan oleh Peniaga yang Layak melalui Terminal POS / MPOS / Tap on Phone untuk tujuan penghantaran data Transaksi Kad / E-Debit ke Bank atau vendor terminal untuk membolehkan Bank membuat penyelesaian kepada Peniaga

### **Syarat Am**

1. Dengan menyertai Peraduan ini, Peniaga yang Layak bersetuju:
  - a. telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Syarat-syarat ini dan sebarang terma dan syarat lain yang berkaitan dengan Kempen yang mungkin dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa, yang terdapat di laman web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) dan laman web HLISB di [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) (selepas ini secara kolektif disebut sebagai "Laman Web Bank");
  - b. bahawa semua transaksi kad MyDebit yang dilakukan dengan Tap on Phone seperti direkodkan oleh Bank adalah muktamad,
  - c. bahawa 0% MDR MyDebit tidak boleh dipindahkan kepada akaun pihak ketiga, cek atau bentuk lain.
  
2. Bank berhak untuk:
  - a. melucutkan kelayakan mana-mana peniaga yang layak daripada menyertai Kempen ini sebagaimana yang difikirkan wajar oleh Bank mengikut budi bicaranya;
  - b. melucutkan dan mendapatkan kembali 0% MDR MyDebit yang diberikan kepada Peniaga yang Layak pada bila-bila masa sekiranya berlaku pelanggaran Syarat ini oleh Peniaga yang Layak;
  - c. untuk menambah atau mengubah T&C, sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menghentikan Kempen ini, dengan cara membuat posting di Laman Web Bank, atau dengan kaedah lain yang dianggap praktikal oleh Bank, untuk memberi notis terlebih dahulu kepada Pedagang yang Layak; dan
  - d. membatalkan, menghentikan atau menangguhkan Kempen ini dan Peniaga yang Layak tidak berhak menuntut sebarang pampasan terhadap Bank atas sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peniaga yang Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung dari tindakan pembatalan, penamatan atau penangguhan Kempen.
  
3. Terma & Syarat ini adalah tertakluk di bawah dan dibentuk selaras dengan undang-undang Malaysia dan Peniaga yang Layak bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.
  
4. Perkataan yang merujuk kepada satu jantina termasuk semua jantina dan perkataan yang merujuk tunggal yang lain termasuk jamak dan sebaliknya.